

NO SOALAN : 489

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian akan mengesahkan bahawa Akta Veteran 2010 akan dikuatkuasakan pada tahun ini supaya semua persatuan Veteran ATM dapat dipantau dan diawasi oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran agar kebijakan warga veteran dan keluarga mereka lebih terpelihara dan terbela.

JAWAPAN:

Tarikh bagi pengesahan penguatkuasaan Akta Veteran 2012 telah diPerkenan Diraja pada 30 Januari 2012 dan tarikh penyiaran (*publication*) dalam Warta pada 9 Februari 2012.

Berdasarkan Undang-Undang Persekutuan, Akta Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2012 (Akta 740) ini masih belum boleh dikuatkuasakan sehingga pemberitahuan (*notification*) yang akan ditandatangani oleh Menteri dibuat seiring dengan peraturan-peraturan untuk dilaksanakan sebagaimana termaktub di dalam Akta berkenaan.

Pada masa ini, pihak Kementerian sedang mengkaji dan menyediakan Peraturan Majlis Veteran Kebangsaan untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. Manakala bagi Peraturan Pendaftaran Veteran dan Pendaftaran Persatuan Veteran sedang dalam semakan jabatan berkenaan.

Sebaik sahaja kedua-dua Peraturan ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara, satu pemberitahuan akan ditandatangani oleh Menteri Pertahanan bagi menguatkuasakan Akta Veteran ATM 2012 dan seterusnya Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM akan mengambil alih tugas-tugas mengenai pendaftaran dan pemantauan Pertubuhan Veteran ATM yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sedia ada dan Persatuan-Persatuan baru.